



MAJLIS PERBANDARAN MUAR IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Johor Darul Takzim) yang berkecualan untuk mengisi jawatan berikut :-

1. **SKIM PERKHIDMATAN** : **PEMBANTU KHIDMAT AM**
(a) **KLASIFIKASI** : **KEMAHIRAN**
(b) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
(c) **GRED** : **H1**
(d) **KEKOSONGAN** : **10 (SEPULUH)**
(e) **TARAF JAWATAN** : **TETAP / KONTRAK (INTERIM)**
2. **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM** : RM 1,500.00 - RM 4,680.00
3. **SYARAT LANTIKAN**
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).
4. **SYARAT KELAYAKAN**
Kelayakan SPM
 - i. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu peperiksaan SPM; atau
 - ii. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.**Kelayakan SVM**
 - i. Mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan
 - ii. Kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan

5. PERMOHONAN :

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
- (b) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web Majlis Perbandaran Muar iaitu : www.mpmuar.gov.my atau pembelian borang RM 1.00/set di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Muar, Tingkat 8, Jalan Pintasan Muar 84000 Muar, Johor sepanjang hari bekerja Isnin hingga Jumaat dari jam 08.30 pagi hingga 4.30 petang (waktu rehat jam 1.00 petang - 2.00 petang). Sila sertakan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan salinan yang telah disahkan semua dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan;
- (c) Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- (d) Sebarang usaha untuk membuat semakan dokumen **SELEPAS** borang dihantar / penghantaran borang **SELEPAS** tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- (e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (f) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MUAR
JALAN PINTASAN MUAR
84000 MUAR, JOHOR**
(u.p. : Bahagian Sumber Manusia)

6. TARIKH AKHIR PERMOHONAN : 18 MEI 2025